

Autoritarian ekonomi yang menindas

Oleh MD. SHUKRI SHUIB

U. M. M) 211 10.2.07



BANTAHAN terhadap rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat turut berlaku di Korea Selatan.

— Reuters

daripada jumlah keseluruhan AS\$ 33.3 trilion GDP dunia. Ini menunjukkan bahawa negara-negara kaya, dari segi jumlah keupayaan ekonomi mereka, jauh lebih besar daripada majoriti negara-negara kecil dunia.

Sebagai sebuah negara maju serta mempunyai kekuatan hegemoni yang dilihat mampu membentuk persekitaran iklim politik-ekonomi dunia, AS sepatutnya turut memperjuangkan hak-hak demokrasi di dalam soal perdagangan, dan bukan bersifat autoritarian. Sikap yang sering dipertontonkan AS mengenai perdagangan ialah, AS cuba menguasai pasaran dunia - ini menjadikan sifat 'autoritarian ekonomi' jelas mendiskriminasi kepentingan negara-negara lain dunia.

Negara-negara di dunia seharusnya diberikan kebebasan sepenuhnya berlandaskan prinsip 'mendemokraskan ekonomi' serta tidak dikongkong oleh mana-mana sifat 'autoritarian', terutamanya yang melibatkan percaturan politik kuasa-kuasa besar dunia.

Perang Dingin yang tamat pada awal dekad 1990-an, jelas kini menular semula,

yakni bersifat 'perang dingin ekonomi'. Bagi mengelakkan kesan yang lebih buruk, autoritarian ke atas pasaran dan aspek ekonomi perlulah dibendung agar dunia tidak mengalami kepincangan di dalam aturan dan kawal selia pasaran ekonomi antarabangsa.

Dalam konteks hubungan perdagangan ekonomi dua hala di antara Malaysia dan AS, negara ini merupakan rakan dagangan kesepuluh terbesar bagi AS. Dengan nilai dagangan melebihi AS\$44 bilion setahun. AS juga merupakan pelabur terus asing (FDI) terbesar bagi Malaysia dengan mencecah nilai AS\$8.7 bilion bagi tahun 2004.

Ini merupakan peningkatan berterusan iaitu sebanyak 20 peratus berbanding 2003, dan pada tahun 2004, jumlah import AS ke Malaysia adalah berjumlah AS\$10.4 bilion. Jumlah eksport Malaysia ke AS adalah berjumlah AS\$33.7 bilion, dan dari setahun ke setahun, jumlah pelaburan terus asing (FDI) dari AS ke Malaysia semakin meningkat.

Menurut Duta Besar AS ke Malaysia, TYT Christopher J. LaFleur sewaktu me-

nyampaikan ucapan pada majlis Wacana Ilmu anjuran Fakulti Pengajian Antarabangsa, UUM pada 5 Februari 2007, AS melihat Malaysia sebagai sebuah rakan dagangan yang utama. Ini berasaskan kepada fakta bahawa pasaran Malaysia membolehkan lebih daripada AS\$110 bilion pelaburan terus asing AS untuk berkembang di negara ini.

Dengan keupayaan syarikat-syarikat elektronik AS yang bertapak di Malaysia, satu perlima daripada keseluruhan jumlah eksport negara adalah hasil pengoperasian syarikat-syarikat yang berkait dengan pemodal dari AS. Dengan keupayaan dan kepentingan strategik perdagangan kedua-dua negara, ia menjadikan Malaysia rakan utama dagangan melebihi India, Itali, Brazil, Australian dan juga Thailand.

Menurut LaFleur 95 peratus jualan komputer berjenama Dell di AS adalah dihasilkan di Malaysia. Ini juga dikatakan berkait rapat dengan komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang diterajui oleh Datuk Seri Rafidah Aziz yang disifatkan oleh LaFleur sebagai menteri perdagangan paling lama berkhidmat di jawatan tersebut dalam sejarah dunia!

Dengan ikatan dagangan dan pasaran ekonomi yang dilihat akrab serta menguntungkan kedua-dua pihak. Konsep kemakmuran sejiran haruslah diutamakan dalam setiap perundingan. AS tidak seharusnya mengenakan tekanan dan sekatan terutamanya yang menyentuh sensitiviti sesebuah negara dari segi hak menentukan dasar dalaman dan luarnya.

Malaysia adalah negara yang berdaulat serta bebas untuk menentukan hala tuju negara. Kepimpinan negara juga begitu kukuh dengan menerima sokongan majoriti rakyat serta dilihat mampu pula menadbir dengan berkesan. Tidak ada sebab AS untuk memaparkan satu sifat prejudis terhadap kepimpinan dan juga hala tuju perdagangan Malaysia.

□ **PENULIS** ialah pensyarah di Fakulti Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia.

KAWASAN Perdagangan Bebas (FTA) merupakan satu langkah yang dilihat mampu membawa kesan pembangunan kepada sesebuah negara. Kesan yang dapat dilihat adalah dari segi pemerolehan pelaburan dan perdagangan secara terus dan juga tidak lagi terbeban dengan sekatan dari segi percukaian dan kastam yang rumitkan. Namun, di sebalik kesenangan, pasti wujud risiko yang perlu diteliti secara telus dan berhati-hati oleh mana-mana negara yang sedang cuba untuk mengadakan jenis hubungan perdagangan intim di bawah model FTA ini.

Mana-mana negara di dunia tentunya mahu memastikan setiap urusan yang melibatkan perbincangan dua hala atau pelbagai hala membawa keuntungan yang memihak kepada mereka.

Inilah sebenarnya bahana besar apabila negara yang kecil keupayaan ekonominya berbincang dengan negara yang lebih kukuh dan mempunyai keupayaan ekonomi dan kewangan yang besar. Inilah yang terjadi pada rundingan untuk mengadakan FTA di antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS).

Sebagai sebuah negara yang sedang meningkat maju, ditambah pula dengan keupayaan negara bersaiz kecil dari segi penerokaan kewangan dan pasaran, kita sedang berhadapan dengan sebuah gergasi pasaran dan ekonomi yang jauh lebih besar daripada keupayaan kita.

Apabila ini berlaku, maka AS seolah-olah cuba mengenakan tekanan-tekanan tertentu seolah-olah dilihat mengambil kesempatan daripada kekurangan yang dipunyai oleh pihak kita. Seharusnya AS jika benar sebuah negara peneraju kepada pembangunan dan kelestarian pasaran dunia, kuasa besar tersebut harus bersifat memahami dan juga mengamalkan konsep memakmurkan jiran.

AS dilihat memiliki keupayaan ekonomi yang kukuh di mana menurut statistik 2002, negara itu telah menguasai AS\$11 trilion dari segi keseluruhan GDP global. Sementara pada tahun yang sama, gabungan ekonomi negara-negara kecil termasuk yang sedang membangun dan miskin, hanya mencatatkan GDP AS\$6.4 trilion